NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 68
No. 16

17hb April 2025

TAMBAHAN No. 7
PERUNDANGAN

K. P.U. 7.

KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH-KAEDAH TANAH KEDAH DARUL AMAN (PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 14 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*], Pihak Berkuasa Negeri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Tanah Kedah Darul Aman (Pindaan) 2025**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2025.

Pindaan kaedah 37

2. Kaedah-Kaedah Tanah Kedah Darul Aman 2018 [*K.P.U. 17/2018*] dipinda dalam Bahagian VIII-Fi Pejabat, dengan menggantikan kaedah 37 dengan kaedah yang berikut:

"37. (1) Fi yang kena dibayar bagi permohonan dan prosiding di bawah Kanun dan Kaedah-Kaedah ini adalah seperti yang berikut:

(a) Pendaftaran

No.	Perkara	Peruntukan Kanun	Borang	Kadar (RM)
1.	Pendaftaran dan pengeluaran hakmilik sementara	180 & 183	11A & 11B	150.00 per hakmilik

No.	Perkara	Peruntukan Kanun	Borang	Kadar (RM)
2.	Pendaftaran dan pengeluaran hakmilik tetap Pendaftar	81(1)*(d)*	5B & 5C	150.00 per hakmilik
3.	Pendaftaran dan pengeluaran hakmilik tetap pejabat tanah	81(1)*(d)*	5D & 5E	150.00 per hakmilik
4.	Kelewatan mengambil dokumen hakmilik keluaran selepas 30 hari bekerja			100.00 per hakmilik
5.	Pengeluaran hakmilik tetap sambungan kerana tidak ada ruang yang mencukupi untuk membuat pemasukan lanjut pada dokumen hakmilik daftaran atau atas sebab keadaan fizikal dokumen itu tidak boleh digunakan lagi	166(1)*(a)* & 169(1)*(b)*		50.00 per hakmilik
6.	Pengeluaran hakmilik tetap sambungan di bawah perenggan 166(1)*(b)* dan *(c)* Kanun	166(1)*(b)* dan *(c)* & 168	10D	100.00 per hakmilik
7.	Pengeluaran hakmilik tetap sambungan di bawah perenggan 166(1)*(d)* Kanun	166(1)*(d)* & 168	10D	200.0 per hakmilik
8.	Penggantian hakmilik sambungan atas sebab kehilangan—			
	(a) kejadian pertama			50.00 per hakmilik
	(b) kejadian kedua			200.00 per hakmilik
	(c) kejadian ketiga dan seterusnya			500.00 per hakmilik
9.	Pengeluaran hakmilik tetap sambungan di atas penyerahan balik sebahagian tanah atau pengukuran semula suatu sempadan semulajadi	166(1)*(e)*	2B	50.00 per hakmilik
10.	Penukaran dokumen hakmilik keluaran kepada dokumen cetakan komputer tanpa apa-apa urusan			20.00 per hakmilik
11.	Pendaftaran pindah milik tanah beri milik dengan—	215-218(1) & 214A	14A & 14D	
	(a) nilaian tanah RM50,000.00 dan ke bawah			200.00 per hakmilik

No.	Perkara	Peruntukan Kanun	Borang	Kadar (RM)
	(b) nilaian tanah daripada RM50,001.00 hingga RM150,000.00			500.00 per hakmilik
	(c) nilaian tanah daripada RM150,001.00 hingga RM300,000.00			700.00 per hakmilik
	(d) nilaian tanah daripada RM300,001.00 hingga RM500,000.00			1,000.00 per hakmilik
	(e) nilaian tanah daripada RM500,001.00 hingga RM750,000.00			2,000.00 per hakmilik
	(f) nilaian tanah daripada RM750,001.00 hingga RM1,000,000.00			4,000.00 per hakmilik
	(g) nilaian tanah RM1,000,000.00 dan ke atas			0.5% daripada nilaian tanah atau harga pembelian, yang mana lebih tinggi, per hakmilik
	(h) tidak disebutkan nilaian tanah			100.00 per hakmilik
12.	Pendaftaran pindah milik gadaian	218(2)	14B	200.00 per hakmilik
13.	Pendaftaran pajakan tanah beri milik dengan—	221	15A	
	(a) nilaian tanah RM50,000.00 dan ke bawah			200.00 per hakmilik
	(b) nilaian tanah daripada RM50,001.00 hingga RM150,000.00			500.00 per hakmilik
	(c) nilaian tanah daripada RM150,001.00 hingga RM300,000.00			700.00 per hakmilik
	(d) nilaian tanah daripada RM300,001.00 hingga RM500,000.00			1,000.00 per hakmilik
	(e) nilaian tanah daripada RM500,001.00 hingga RM750,000.00			2,000.00 per hakmilik
	(f) nilaian tanah daripada RM750,001.00 hingga RM1,000,000.00			4,000.00 per hakmilik

No.	Perkara	Peruntukan Kanun	Borang	Kadar (RM)
	(g) nilaian tanah RM1,000,000.00 dan ke atas			0.5% daripada nilaian tanah atau harga pembelian, yang mana lebih tinggi, per hakmilik
14.	Pendaftaran pajakan kecil tanah beri milik dengan—	222	15B	
	(a) nilaian tanah RM50,000.00 dan ke bawah			200.00 per hakmilik
	(b) nilaian tanah daripada RM50,001.00 hingga RM150,000.00			500.00 per hakmilik
	(c) nilaian tanah daripada RM150,001.00 hingga RM300,000.00			700.00 per hakmilik
	(d) nilaian tanah daripada RM300,001.00 hingga RM500,000.00			1,000.00 per hakmilik
	(e) nilaian tanah daripada RM500,001.00 hingga RM750,000.00			2,000.00 per hakmilik
	(f) nilaian tanah daripada RM750,001.00 hingga RM1,000,000.00			4,000.00 per hakmilik
	(g) nilaian tanah RM1,000,000.00 dan ke atas			0.5% daripada nilaian tanah atau harga pembelian, yang mana lebih tinggi, per hakmilik
15.	Pendaftaran serahan pajakan atau pajakan kecil tanah beri milik	239	15C	150.00 per hakmilik
16.	Permohonan pembatalan pajakan atau pajakan kecil	313	18A	150.00 per hakmilik
17.	Pendaftaran gadaian	242	16A & 16B	200.00 per hakmilik
18.	Pendaftaran penangguhan gadaian	247	16C	200.00 per hakmilik
19.	Pendaftaran melepaskan gadaian	278	16N	200.00 per hakmilik

No.	Perkara	Peruntukan Kanun	Borang	Kadar (RM)
20.	Pendaftaran pembatalan gadaian melalui bayaran kepada Pendaftar	279	18B	200.00 per hakmilik
21.	Pendaftaran pembatalan gadaian melalui bayaran kepada pemegang gadaian	314(1)*(b)*	18B	150.00 per hakmilik
22.	Pendaftaran pemberian isemen (tanah menanggung dan dominan)	286	17A & 17B	100.00 per hakmilik
23.	Pendaftaran pelepasan isemen (tanah menanggung dan dominan)	289	17C	100.00 per hakmilik
24.	Pengendorsan pembatalan isemen (tanah menanggung dan dominan)	315	18D	100.00 per hakmilik
25.	Pengendorsan penyewaan yang dikecualikan daripada pendaftaran	316		150.00 per hakmilik
26.	Pembatalan endorsan penyewaan yang dikecualikan daripada pendaftaran	318		150.00 per hakmilik
27.	Penarikan balik instrumen urus niaga	293(4) & 296		100.00 per hakmilik
28.	Kemasukan kaveat persendirian	323	19B	300.00 per hakmilik
29.	Kemasukan kaveat pemegang lien	330	19D	400.00 per hakmilik
30.	Kemasukan kaveat pemegang amanah	333(2)	19E	300.00 per hakmilik
31.	Permohonan pemotongan kaveat persendirian	326(1)	19H	300.00 per hakmilik
32.	Permohonan pemotongan kaveat pemegang lien	331		400.00 per hakmilik
33.	Permohonan pemotongan kaveat pemegang amanah	333(5)		300.00 per hakmilik
34.	Penarikan balik kaveat persendirian	325	19G	300.00 per hakmilik
35.	Penarikan balik kaveat pemegang lien	332		400.00 per hakmilik
36.	Permohonan kepada Pentadbir Tanah untuk perintah jualan	260(2)	16G	500.00 per hakmilik
37.	Permohonan membatalkan Borang 16G oleh pemegang gadaian			500.00 per permohonan

No.	Perkara	Peruntukan Kanun	Borang	Kadar (RM)
38.	Perintah jualan atas permintaan pemegang gadaian melalui lelongan awam—	263	16H	
	(a) permohonan penangguhan perintah jualan	264A	16O	300.00 per hakmilik
	(b) permohonan pembatalan perintah jualan	264A	16O	200.00 per hakmilik
	(c) notis penangguhan atau pembatalan jualan	264A	16P	100.00 per hakmilik
	(d) penangguhan atau pembatalan siasatan	262		100.00 per hakmilik
39.	Komisen ke atas penjualan menurut Bab 3 Bahagian Enam Belas Kanun bagi—	268(1)*(b)*		
	(a) RM1,000.00 yang pertama			15%
	(b) RM1,001.00 hingga RM10,000.00 yang seterusnya			10%
	(c) RM10,001.00 hingga RM20,000.00 yang seterusnya			5%
	(d) RM20,001.00 hingga RM60,000.00 yang seterusnya			2%
	(e) RM60,001.00 seterusnya dan ke atas			1% tertakluk kepada kadar maksimum 8,000.00
	Dengan syarat, satu atau lebih harta yang dijual di bawah satu perintah jualan hendaklah disifatkan sebagai satu jualan			
40.	Pendaftaran perakuan jualan oleh mahkamah dengan—	259	16F	
	(a) nilaian tanah RM50,000.00 dan ke bawah			200.00 per hakmilik
	(b) nilaian tanah daripada RM50,001.00 hingga RM150,000.00			500.00 per hakmilik
	(c) nilaian tanah daripada RM150,001.00 hingga RM300,000.00			700.00 per hakmilik

No.	Perkara	Peruntukan Kanun	Borang	Kadar (RM)
	(d) nilaian tanah daripada RM300,001.00 hingga RM500,000.00			1,000.00 per hakmilik
	(e) nilaian tanah daripada RM500,001.00 hingga RM750,000.00			2,000.00 per hakmilik
	(f) nilaian tanah daripada RM750,001.00 hingga RM1,000,000.00			4,000.00 per hakmilik
	(g) nilaian tanah RM1,000,000.00 dan ke atas			0.5% daripada nilaian tanah atau harga pembelian, yang mana lebih tinggi, per hakmilik
41.	Pendaftaran perakuan jualan oleh Pentadbir Tanah dengan—	265	16I	
	(a) nilaian tanah RM50,000.00 dan ke bawah			200.00 per hakmilik
	(b) nilaian tanah daripada RM50,001.00 hingga RM150,000.00			500.00 per hakmilik
	(c) nilaian tanah daripada RM150,001.00 hingga RM300,000.00			700.00 per hakmilik
	(d) nilaian tanah daripada RM300,001.00 hingga RM500,000.00			1,000.00 per hakmilik
	(e) nilaian tanah daripada RM500,001.00 hingga RM750,000.00			2,000.00 per hakmilik
	(f) nilaian tanah daripada RM750,001.00 hingga RM1,000,000.00			4,000.00 per hakmilik
	(g) nilaian tanah RM1,000,000.00 dan ke atas			0.5% daripada nilaian tanah atau harga pembelian, yang mana lebih tinggi, per hakmilik
42.	Salinan perintah jualan oleh Pentadbir Tanah	263	16H	50.00 per dokumen

No.	Perkara	Peruntukan Kanun	Borang	Kadar (RM)
43.	Mendepositkan surat ikatan amanah	344(3)		150.00 per hakmilik
44.	Pendaftaran sebagai pemegang amanah	344(2)		150.00 per hakmilik
45.	Permohonan pembatalan sebagai pemegang amanah	344(2)		100.00 per surat hakmilik
46.	Pemfailan surat kuasa wakil	309(2)		150.00 per surat kuasa wakil
47.	Pendaftaran perintah pembahagian harta pusaka kecil	348		50.00 per hakmilik
48.	Pendaftaran perintah mahkamah	417 & 420		100.00 per hakmilik
49.	Pendaftaran perintah mahkamah (probet dan surat kuasa mentadbir)	417 & 420		100.00 per hakmilik
50.	Pendaftaran instrumen urus niaga melalui perintah mahkamah			50.00 per instrumen
51.	Permohonan kebenaran untuk pindah milik, pajakan, pajakan kecil dan gadaian yang tertakluk kepada sekatan kepentingan			150.00 per hakmilik
52.	Permohonan pendaftaran bagi peletakhakan statutori	415	30A & 30B	50.00 per hakmilik
53.	Kos siasatan	38		100.00 per hakmilik
54.	Carian persendirian	384		40.00 per hakmilik
55.	Carian persendirian hakmilik dan maklumat tidak berkuat kuasa	384		75.00 per hakmilik
56.	Carian persendirian hakmilik batal	384		75.00 per hakmilik
57.	Carian rasmi—	385	Jadual III	
	(a) oleh mana-mana orang			100.00 per hakmilik

No.	Perkara	Peruntukan Kanun	Borang	Kadar (RM)
	(b) oleh Kerajaan Negeri/ Persekutuan dan badan berkanun Negeri/ Persekutuan dan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri/Persekutuan			50.00 per hakmilik
58.	Carian rasmi hakmilik dan maklumat yang tidak berkuat kuasa	385		120.00 per hakmilik
59.	Carian rasmi hakmilik batal	385		120.00 per hakmilik
60.	Pengeluaran salinan diperakui bagi dokumen hakmilik daftaran—	383(1)		
	(a) oleh mana-mana orang			100.00 per hakmilik
	(b) oleh Kerajaan Negeri/ Persekutuan dan badan berkanun Negeri/ Persekutuan dan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri/Persekutuan			50.00 per hakmilik
61.	Pengeluaran salinan diperakui bagi instrumen urus niaga berdaftar	383(1)		75.00 per instrumen
62.	Salinan pendua instrumen urus niaga			50.00 per instrumen
63.	Salinan dokumen diperakui yang tidak diperuntukkan baginya (lampiran)			50.00 per dokumen
64.	Pemeriksaan apa-apa instrumen urus niaga berdaftar	384*(b)*		75.00 per instrumen
65.	Salinan pelan bagi dokumen hakmilik			75.00 per hakmilik
66.	Pengeluaran dokumen hakmilik daftaran sementara sambungan	187		100.00 per hakmilik
67.	Pengeluaran salinan pendua hakmilik keluaran sementara di bawah seksyen 187B Kanun	187B	11C	200.00 per hakmilik
68.	Salinan dokumen hakmilik keluaran kepada pemilik tanah bersama	343(3)		100.00 per hakmilik

No.	Perkara	Peruntukan Kanun	Borang	Kadar (RM)
69.	Fi penyimpanan dokumen hakmilik keluaran di pejabat tanah, selepas 3 bulan	90(3)	5F	200.00 per hakmilik
70.	Permohonan pertukaran nama oleh pemilik tanah, dll	378		50.00 per hakmilik
71.	Permohonan pertukaran alamat tuan tanah, dll	379	26A	Percuma
72.	Permohonan penyaksian dokumen di luar kawasan pejabat tanah			50.00 per hakmilik
73.	Penyaksian dokumen bagi hakmilik negeri-negeri selain Negeri Kedah			100.00 per hakmilik
74.	Pengemukaan surat kuasa wakil asal untuk dibandingkan dengan salinan pejabat	310		50.00 per surat kuasa wakil

(b) Pembangunan

No.	Perkara	Peruntukan Kanun	Borang	Kadar (RM)
1.	Permohonan pecah sempadan tanah	137	9A	100.00 per hakmilik baharu, tertakluk kepada fi minimum 1,000.00
2.	Permohonan pecah bahagian tanah	142	9B	100.00 per hakmilik baharu, tertakluk kepada fi minimum 1,000.00
3.	Permohonan penyatuan tanah	148	9C	100.00 per hakmilik asal, tertakluk kepada fi minimum 1,000.00
4.	Permohonan untuk mengubah syarat, dll—	124		
	(a) permohonan pengubahan kategori kegunaan tanah atau jika ia tidak tertakluk, pengenaan apa-apa kategori ke atasnya	124(1)*(a)* & 214A		150.00 per hakmilik bagi tanah selain tanah estet

No.	Perkara	Peruntukan Kanun	Borang	Kadar (RM)
				1,000.00 per hakmilik bagi tanah estet
	(b) permohonan semula pengubahan kategori kegunaan tanah, atau jika ia tidak tertakluk, pengenaan apa-apa kategori ke atasnya yang telah diluluskan dan telah luput	124(1)*(a)* & 214A		150.00 per hakmilik bagi tanah selain tanah estet 1,000.00 per hakmilik bagi tanah estet
	(c) permohonan pindaan syarat nyata tanah atau sekatan kepentingan atau jika ia tidak tertakluk, apa-apa syarat nyata atau sekatan kepentingan ke atasnya	124(1)*(c)* & 214A		150.00 per hakmilik bagi tanah selain tanah estet 1,000.00 per hakmilik bagi tanah estet
	(d) permohonan semula pindaan syarat nyata tanah atau sekatan kepentingan atau jika ia tidak tertakluk, pengenaan syarat nyata atau sekatan kepentingan yang telah diluluskan dan telah luput	124(1)*(c)* & 214A		150.00 per hakmilik bagi tanah selain tanah estet 1,000.00 per hakmilik bagi tanah estet
5.	Perengganan untuk memecah sempadan—			
	(a) tanah desa bagi maksud pertanian, apabila tanah itu berkeluasan			
	(i) 1.214 hektar dan ke bawah			50.00 per lot
	(ii) daripada 1.214 hektar hingga 2.023 hektar			50.00 per lot
	(iii) daripada 2.024 hektar hingga 4.046 hektar			50.00 per lot

No.	Perkara	Peruntukan Kanun	Borang	Kadar (RM)
	(iv) setiap tambahan 2.023 hektar atau sebahagian daripadanya			50.00 per lot
	(b) tanah desa bagi maksud selain pertanian			50.00 per lot
	(c) tanah bandar dan pekan dengan syarat jalan atau lorong yang berhubung, dan baki keluasan tanah daripada lot asal hendaklah disifatkan sebagai satu lot			50.00 per lot
6.	Permohonan pindah milik tanah estet	214A		5,000.00 per hakmilik
7.	Enakmen Simpanan Melayu 1930—			
	(a) permohonan pengisytiharan sebagai Melayu di bawah seksyen 21 Enakmen			150.00 per hakmilik
	(b) pengisytiharan sebagai Melayu—			
	(i) oleh mana-mana orang			2.5 % daripada nilaian tanah atau 5,000.00 per hakmilik, mengikut mana yang lebih tinggi
	(ii) oleh wasi/ pentadbir harta			500.00 per permohonan
	(iii) secara sekali beri (*one-off*)			50,000.00 per permohonan
	(c) permohonan pengisytiharan dan pembatalan tanah simpanan Melayu (*swapping*)			150.00 per hakmilik
	(d) pengisytiharan tanah simpanan Melayu di bawah subseksyen 3(1) Enakmen			500.00 per hakmilik

No.	Perkara	Peruntukan Kanun	Borang	Kadar (RM)
	(e) pembatalan tanah simpanan Melayu di bawah perenggan 4(1)*(b)* Enakmen			
	(i) pertanian			10,000.00 per hakmilik
	(ii) bangunan			5,000.00 per hakmilik
	(f) Sijil Pertanian Siam—			
	(i) permohonan bagi Sijil Pertanian Siam			100.00 per lot
	(ii) pengeluaran Sijil Pertanian Siam			200.00 per lot
8.	Penalti bagi pembangunan yang tidak dapat memperuntukkan kuota/lot untuk Melayu bagi tanah yang ditukar ganti (*swapping*)			50% daripada perbezaan nilaian tanah yang ditukar ganti
9.	Permohonan memindah milik kuota/lot untuk Melayu (projek pembangunan)			200.00 per hakmilik
10.	Permohonan pembatalan kuota/ lot untuk Melayu			150.00 per hakmilik
11.	Pembatalan endorsan kuota/ lot untuk Melayu			20% daripada nilaian tanah atau harga jualan, mengikut yang mana lebih tinggi
12.	Permohonan menukar ganti kuota/lot untuk Melayu			150.00 per hakmilik
13.	Menukar ganti kuota/lot untuk Melayu			1,500.00 per hakmilik
14.	Permohonan penyerahan balik keseluruhan tanah	197	12A	Percuma bagi maksud awam
				100.00 per permohonan bagi selain maksud awam

No.	Perkara	Peruntukan Kanun	Borang	Kadar (RM)
15.	Permohonan penyerahan balik sebahagian tanah	200	12B	Percuma bagi maksud awam 100.00 per permohonan bagi selain maksud awam
16.	Pengeluaran hakmilik sambungan bagi penyerahan balik sebahagian tanah	200	12B	200.00 per hakmilik
17.	Permohonan penyerahan balik dan pemberimilikan semula	203 & 204A	12C & 12D	100.00 per hakmilik baharu, tertakluk kepada fi minimum 1,000.00
18.	Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan, permohonan pajakan tanah rizab dan permohonan lesen pendudukan sementara bagi tanah yang berkeluasan—	63, 65, & 76		
	(a) 4.04 hektar dan ke bawah			100.00 per permohonan
	(b) daripada 4.04 hektar hingga 10 hektar			300.00 per permohonan
	(c) daripada 10 hektar hingga 20 hektar			500.00 per permohonan
	(d) 20 hektar dan ke atas			1,000.00 per permohonan
19.	Permohonan semula pemberimilikan tanah kerajaan yang telah diluluskan dan telah luput	76		500.00 per lot
20.	Permohonan pelanjutan tempoh bayaran premium di bawah subkaedah 7(4) kepada Pihak Berkuasa Negeri	81 & 82		200.00 per lot
21.	Permohonan pindaan butiran dalam Jadual I berkaitan permohonan tanah kerajaan			100.00 per permohonan
22.	Pemeriksaan salinan pelan di pejabat tanah	413*(a)*(ii)		30.00 per lot

No.	Perkara	Peruntukan Kanun	Borang	Kadar (RM)
23.	Penjualan pelan surih			30.00 per lot
24.	Permohonan permit untuk mengekstrak, memindah dan mengangkut bahan batuan	69 & 72	4B & 4C	200.00 per permohonan
25.	Pengeluaran permit untuk mengekstrak, memindah dan mengangkut bahan batuan	71	4B & 4C	100.00 per permit
26.	Deposit bagi permit untuk mengekstrak, memindah dan mengangkut bahan batuan—	74		
	(a) pasir laut			200,000.00
	(b) pasir darat—			
	(i) keluasan 1.2 hektar dan ke bawah			15,000.00
	(ii) setiap keluasan tambahan 0.4046 hektar atau sebahagian daripadanya			10,000.00
	(c) pasir sungai—			
	(i) jajaran kawasan pengeluaran bagi satu kilometer pertama atau sebahagian daripadanya			20,000.00
	(ii) setiap tambahan satu kilometer atau sebahagian daripadanya			10,000.00
	(d) tanah/tanah laterit—			
	(i) keluasan 1.2 hektar dan ke bawah			15,000.00
	(ii) setiap keluasan tambahan 0.4046 hektar atau sebahagian daripadanya			5,000.00
	(e) berskala kecil atau secara sementara—			
	(i) pengeluaran 2,000 meter padu dan ke bawah			500.00 atau tertakluk kepada pertimbangan Pentadbir Tanah

No.	Perkara	Peruntukan Kanun	Borang	Kadar (RM)
	(ii) pengeluaran daripada 2,001 hingga 10,000 meter padu			5,000.00
	(iii) setiap pengeluaran tambahan 10,000 meter padu			5,000.00
	(f) kapur tohor dan batu kapur, batu, granit, batu kelikir dan gentian			40,000.00
	(g) batu bata dan jubin			20,000.00
	(h) jenis bahan batuan lain (rumput, batu karang, batu bunga/batu hiasan, kulit siput, kulit kerang, tahi kelawar)			2,500.00
27.	Penjualan doket			50.00 per doket
28.	Permohonan pelanjutan tempoh doket			50.00 per permohonan
29.	Pelekat kenderaan berat—			
	(a) dalam Negeri Kedah			50.00 per pelekat
	(b) luar Negeri Kedah			100.00 per pelekat
30.	*(a)* Fi untuk mengeluar, mengalih dan mengangkut bahan batuan—	69 & 72		
	(i) tanah, tanah merah, tanah liat, tanah liat bercampur dan tanah berumput			4.00 per meter padu
	(ii) pasir darat dan pasir laut			5.00 per meter padu
	(iii) pasir dan puing			2.50 per meter padu
	(iv) batu karang			5.00 per meter padu

No.	Perkara	Peruntukan Kanun	Borang	Kadar (RM)
	(v) bunga batu/batu hiasan			5.00 per meter padu
	(vi) kulit siput dan kulit kerang			5.00 per meter padu
	(vii) kapur tohor			*(a)* 5.00 per meter padu *(b)* 2.00 per tan metrik
	(viii) batu kapur			*(a)* 5.00 per meter padu *(b)* 2.00 per tan metrik
	(ix) tahi kelawar			3.00 per meter padu
	(x) batu besar, batu kecil, batu kelikir, batu granit atau batu pejal sebarang bentuk			5.00 per meter padu
	(xi) batu bata			4.00 per 1,000 unit atau sebahagian daripadanya
	(xii) jubin dan gentian			3.00 per 1,000 keping atau sebahagian daripadanya
	(b) Fi untuk mengeluar, mengalih dan mengangkut bahan batuan ke negeri-negeri lain selain Negeri Kedah—			
	(i) pasir darat/pasir sungai			10.00 per meter padu
	(ii) pasir laut			5.00 per meter padu

No.	Perkara	Peruntukan Kanun	Borang	Kadar (RM)
	(iii) batu			12.00 per meter padu
	(iv) tanah			8.00 per meter padu
	(v) bahan batuan lain			8.00 per meter padu
31.	Permohonan permit untuk menggunakan tanah pertanian, bangunan dan industri bagi maksud lain secara sementara di bawah kaedah 34—			
	(a) permohonan permit		Jadual VIII	50.00 per permohonan
	(b) pembaharuan permit		Jadual X	25.00 per permit
	(c) penalti kerana gagal memperbaharui permit			100.00 per permit
32.	Permit untuk menggunakan ruang udara di bawah kaedah 35—			
	(a) permohonan permit	75A	Jadual XI	200.00 per permit
	(b) permohonan penyerahan hak permit	75E	Jadual XII	200.00 per permit
33.	Permohonan hak lalu lalang Pentadbir Tanah	388		50.00 per permohonan
34.	Permohonan pelanjutan tempoh pajakan—	90A		
	(a) industri			
	(i) 2 hektar dan ke bawah			1,000.00 per hakmilik
	(ii) daripada 2 hektar hingga 10 hektar			2,000.00 per hakmilik
	(iii) daripada 10 hektar hingga 20 hektar			3,000.00 per hakmilik
	(iv) daripada 20 hektar hingga 40.4047 hektar			4,000.00 per hakmilik
	(v) 40.4047 hektar dan ke atas			5,000.00 per hakmilik

No.	Perkara	Peruntukan Kanun	Borang	Kadar (RM)
	(b) bangunan			
	(i) perniagaan			500.00 per hakmilik
	(ii) kediaman			300.00 per hakmilik
	(c) pertanian			
	(i) 4.04 hektar dan ke bawah			100.00 per hakmilik
	(ii) daripada 4.04 hektar hingga 10 hektar			300.00 per hakmilik
	(iii) daripada 10 hektar hingga 20 hektar			500.00 per hakmilik
	(iv) daripada 20 hektar hingga 40.4047 hektar			1,000.00 per hakmilik
	(v) 40.4047 hektar dan ke atas			3,000.00 per hakmilik
35.	Caj kemajuan bagi permohonan yang mengubah kategori dan syarat kegunaan tanah	124(1)*(a)*, 124A & 204D		1,000 per hektar atau kadar lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri
36.	Permohonan pindaan butiran berkaitan permohonan pembangunan tanah yang sedang diproses di pejabat tanah			500.00 per permohonan
37.	Permohonan tarik balik permohonan pembangunan tanah yang sedang diproses di pejabat tanah			500.00 per permohonan
38.	Pendaftaran pembida dalam lelongan tanah kerajaan di bawah kaedah 25			200.00 per hakmilik
39.	Permohonan untuk memperoleh harta oleh bukan warganegara/ syarikat asing—	433B		
	(a) oleh mana-mana orang			5,000.00 per hakmilik/ petak/unit

No.	Perkara	Peruntukan Kanun	Borang	Kadar (RM)
	(b) melalui perintah pembahagian harta pusaka			
	(i) kediaman/ perniagaan			500.00 per hakmilik/ petak/unit
	(ii) pertanian			500.00 per hakmilik
	(iii) industri			2,000.00 per hakmilik/ petak/unit
	(c) pindahmilik secara kasih sayang			500.00 per hakmilik/ petak/unit
40.	Perolehan harta oleh bukan warganegara/syarikat asing mengikut kategori tanah—			
	(a) pertanian/kediaman/ komersial/perniagaan/ pindahmilik kasih sayang			5% daripada nilaian tanah per hakmilik
	(b) industri			2% daripada nilaian tanah per hakmilik
41.	Perolehan harta oleh bukan warganegara/syarikat asing melalui perintah pembahagian pusaka			5% daripada nilaian tanah per hakmilik
42.	Penalti bagi fi yang tidak dibayar dalam tempoh 60 hari dari tarikh penyampaian surat kelulusan perolehan harta oleh bukan warganegara/syarikat asing			500.00 per hakmilik

(c) Lain-lain

No.	Perkara	Peruntukan Kanun	Borang	Kadar (RM)
1.	Pemfailan surat akuan berkanun	311		50.00 per surat akuan berkanun
2.	Pengeluaran notis—			
	(a) seksyen 97 dan 98 Kanun	97 & 98		10.00 per notis
	(b) seksyen 16, 90, 324 dan 326 Kanun	16, 90, 324 & 326		50.00 per notis
3.	Pemeriksaan rekod keterangan bagi apa-apa siasatan	32		50.00 per dokumen

No.	Perkara	Peruntukan Kanun	Borang	Kadar (RM)
4.	Pengekstrakan keterangan bagi apa-apa siasatan—	32		
	(a) salinan pertama per folio bagi setiap 100 patah perkataan atau sebahagian daripadanya			50.00 per dokumen
	(b) setiap patah perkataan yang berikutnya			0.40 per perkataan
5.	Siaran notis dalam akhbar	433*(b)*		kos sebenar
6.	Fi pendaftaran profesional di Pejabat Tanah—			
	(a) pelelong			200.00 setahun
	(b) jurukur			200.00 setahun
	(c) penilai			200.00 setahun
	(d) perancang			200.00 setahun
7.	Permohonan rayuan terhadap keputusan Pihak Berkuasa Negeri—			
	(a) individu			Percuma
	(b) syarikat/bukan warganegara/syarikat asing			1,000.00 per hakmilik/ petak/unit
8.	Permohonan rayuan terhadap apa-apa keputusan selain Pihak Berkuasa Negeri			
	(a) Pentadbir Tanah			30.00 per rayuan
	(b) Pengarah Tanah dan Galian			50.00 per rayuan
9.	Pemfailan artikel atau memorandum untuk apa-apa urusan			50.00 per dokumen
10.	Penjualan borang dalam Kanun dan Kaedah-Kaedah ini termasuklah borang yang dikeluarkan oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian			6.00 per borang
11.	Pendaftaran instrumen atau memorial, yang tidak diperuntukkan baginya	297		100.00 per hakmilik

No.	Perkara	Peruntukan Kanun	Borang	Kadar (RM)
12.	Pemfailan apa-apa dokumen yang tidak diperuntukkan baginya			50.00 per dokumen
13.	Salinan dokumen yang diperakui, yang tidak diperuntukkan baginya	383		50.00 per dokumen
14.	Permohonan lain berkaitan apa-apa perkara yang berbangkit di bawah Kanun, yang tidak diperuntukkan baginya			100.00 per permohonan
15.	Salinan resit atau bil fizikal cukai tanah			6.00 per resit/bil

(2) Walau apa pun subkaedah (1), fi bagi perkara berikut dikecualikan—

(a) kaveat pendaftar di bawah seksyen 319 Kanun;

(b) pendaftaran gadaian atau melepaskan gadaian bagi apa-apa pinjaman daripada Kumpulan Wang Kerajaan kepada penanam padi untuk tujuan pertanian;

(c) pemfailan memorandum di bawah seksyen 124, 198 atau 201 Kanun;

(d) endorsan dan memorial di bawah seksyen 129, 130, 174, 326, 327, 351 atau 352 Kanun;

(e) pendaftaran, penyalinan dokumen atau fi lain untuk menggantikan apa-apa dokumen yang hilang atau musnah dalam simpanan Kerajaan, jika difikirkan perlu oleh Pendaftar atau Pentadbir Tanah;

(f) pengeluaran hakmilik sambungan bagi baki tanah selepas pengambilan balik tanah;

(g) fi yang kena dibayar bagi urus niaga, bukan urus niaga atau perkara lain yang badan atau perbadanan berikut menjadi salah satu pihak:

(i) Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah yang ditubuhkan di bawah Enakmen Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah 1955;

(ii) State Secretary, Kedah (Incorporation) yang ditubuhkan di bawah State Secretary (Incorporation) Enactment, 1371 (1951) [*Enactment No. 1 of 1371 (1951)*];

(iii) Majlis Agama Islam Negeri Kedah yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008;

(iv) Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah yang ditubuhkan di bawah Enakmen Tabong Pegawai-Pegawai Masjid 1968; dan

(v) Lembaga Maktab Mahmud yang ditubuhkan di bawah Enakmen Lembaga Maktab Mahmud 1967;

(h) pendaftaran gadaian atau melepaskan gadaian bagi apa-apa pinjaman daripada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam kepada penjawat awam bagi pembinaan rumah mereka;

(i) fi notis di bawah seksyen 97 dan 98 Kanun, apabila Pentadbir Tanah berpuas hati bahawa tuan tanah tidak mampu untuk membayarnya;

(j) pendaftaran gadaian atau melepaskan gadaian bagi apa-apa pinjaman daripada Kumpulan Wang Kerajaan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan skim kemajuan perkampungan kepada golongan berpendapatan rendah untuk membina rumah mereka;

(k) fi bagi pendaftaran apa-apa instrumen atau memorial, yang tidak diperuntukkan baginya, secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya, apabila Pihak Berkuasa Negeri memutuskan bahawa ia boleh dikecualikan;

(l) pengecualian fi ke atas permohonan turun milik, pindah milik dan perisytiharan sebagai Melayu bagi pendaftaran probet/ surat kuasa mentadbir dan perintah pembahagian pusaka; dan

(m) fi gantian hakmilik sambungan atas sebab kehilangan disebabkan oleh bencana alam, kebakaran atau sebab lain.

(3) Pengarah Tanah dan Galian boleh memberi pengecualian bagi fi carian di bawah seksyen 384 dan 385 Kanun oleh Kerajaan Negeri atau Persekutuan;

(4) Pihak Berkuasa Negeri boleh meremitkan keseluruhan atau sebahagian atau mengubah kadar dalam subkaedah (1) sebagaimana difikirkan patut;

(5) Di bawah kaedah ini, "nilaian tanah" merujuk kepada nilaian tanah yang disediakan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Dibuat 16 April 2025
[PTG.KED.U/07/2025; PUN(KD) 600-1/5/7 Jld. 2(2)]

MOHAMAD AZLEE BIN AHMAD, A.M.K., B.C.K.
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Kedah

NATIONAL LAND CODE

KEDAH LAND RULES (AMENDMENT) 2025

IN exercise of the powers conferred by section 14 of the National Land Code [*Act 828*], the State Authority makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Kedah Land Rules (Amendment) 2025**.

(2) These Rules come into operation on 1 May 2025.

Amendment of rule 37

2. The Kedah Land Rules 2018 [*K.P.U.17/2018*], is amended in Part VIII-Office Fees, by substituting for rule 37 the following rule:

"37. (1) The fees payable for applications and proceedings under the Code and Rules are as follows:

(a) Registration

No.	Matter	Provisions of the Code	Form	Rate (RM)
1.	Registration and issuance of qualified title	180 & 183	11A & 11B	150.00 per title
2.	Registration and issuance of final registry title	81(1)*(d)*	5B & 5C	150.00 per title
3.	Registration and issuance of final land office title	81(1)*(d)*	5D & 5E	150.00 per title
4.	Delaying in collecting issue document of title after 30 working days			100.00 per title
5.	Issuance of final title in continuation due to insufficient space for the making of further entries on register document of title or by reason of its physical condition can no longer be used	166(1)*(a)* & 169(1)*(b)*		50.00 per title
6.	Issuance of final title in continuation under paragraph 166(1)*(b)* and *(c)* of the Code	166(1)*(b)* and *(c)* & 168	10D	100.00 per title

No.	Matter	Provisions of the Code	Form	Rate (RM)
7.	Issuance of final title in continuation under paragraph 166(1)*(d)* of the Code	166(1)*(d)* & 168	10D	200.00 per title
8.	Replacement of title in continuation by reason of loss—			
